

12/12/1999

Penentang BN berusaha pecah belahkan sokongan bukan Melayu

KUALA LUMPUR: Satu kumpulan yang mendakwa menentang Barisan Nasional (BN) kini berusaha memecahbelahkan sokongan bukan Melayu kepada kerajaan, termasuk menghasut Parti Penduduk Progresif Malaysia (PPP) supaya menyertai pembangkang.

Presiden PPP, Datuk M Kayveas, ketika mendedahkan perkara ini di sini semalam, berkata kumpulan itu pada dasarnya menentang kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Dr Mahathir Mohamad.

Beliau, bagaimanapun, enggan menyatakan identiti kumpulan itu atau mengesahkan bahawa mereka adalah parti pembangkang kerana beliau hanya didatangi pihak yang mengaku menjadi orang tengah kepada kumpulan itu.

"Mereka sudah berjaya memecahbelahkan sokongan orang Melayu sebelum ini dan pasti mereka akan berusaha memecahbelahkan sokongan orang bukan Melayu," katanya kepada pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi PPP.

Kayveas berkata, kumpulan itu cuba menghasut PPP kerana sedar parti itu mempunyai asas sokongan tetapi tidak mendapat sebarang kerusi atau jawatan dalam kerajaan BN.

Katanya, mereka berjanji akan memberikan penghormatan dan pengiktirafan sewajarnya kepada PPP sekiranya parti itu bertindak keluar daripada BN.

"Seperti yang saya katakan sebelum ini, PPP akan terus memberi sokongan padu kepada BN dan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Kayveas berkata, usaha itu dilakukan sebelum penamaan calon BN untuk pilihan raya lalu lagi apabila mereka menghubungi beliau dan menyatakan PPP tidak akan diperuntukkan sebarang kerusi untuk bertanding.

Katanya, mereka juga menghubungi beliau semalam selepas senarai Kabinet baru diumumkan dan menyatakan beliau juga tidak dilantik sebagai Senator seperti yang dijanjikan sebelum ini.

"Saya tidak mahu berasa kecewa kerana niat saya memasuki politik ialah untuk mencurahkan bakti, bukan untuk mendapatkan jawatan. Jika diberi jawatan, itu saya anggap sebagai bonus," katanya sambil mengucapkan tahniah dan sokongan kepada Kabinet baru.

Mengenai mesyuarat semalam, Kayveas berkata majlis itu akan membincangkan kes seorang ahli jawatankuasa PPP bahagian Sungai Siput yang menyokong dan membantu Parti Keadilan Nasional (Keadilan) pada pilihan raya lalu.

Katanya, ahli itu tidak menentang BN tetapi dia berpendapat ahli PPP tidak sewajarnya menyokong Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, sebagai calon BN di kawasan Parlimen itu memandangkan beberapa tindakan jahat beliau terhadap parti itu.

"Kita tidak menerima hujah beliau walaupun alasan yang diberikan adalah benar dan sah," katanya sambil menyatakan perkara sedemikian adalah sebahagian daripada permainan politik.

Kayveas berkata, PPP akan terus memperkukuhkan parti dan yakin dapat menggandakan keahlian kepada 500,000 tahun depan dan mereka akan dipastikan mendaftar sebagai pengundi yang sah.

(END)